

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN
PENGANJUR AKTIVITI BAZARIA DI DATARAN SENA INDAH, KANGAR, PERLIS

NO. RUJUKAN : MPKPS 08/ 428 (29)

BERTARIKH : 16 NOVEMBER 2021

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **SYARIKAT-SYARIKAT ATAU INDIVIDU** yang berkelayakan dan berminat untuk menyertai tawaran bagi :-

BUTIRAN TAWARAN
PENGANJUR AKTIVITI BAZARIA DI DATARAN SENA INDAH, KANGAR, PERLIS (Koordinat : 6.445547, 100.205050)

2. **BORANG PERMOHONAN** boleh diperolehi daripada **KAUNTER JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PELESENAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-

- | | |
|---------------------------------------|---|
| A) TARIKH KELUAR BORANG | : 17 NOVEMBER 2021 (RABU) - 30 NOVEMBER 2021 (SELASA) |
| B) TARIKH PENGHANTARAN DOKUMEN | : SEBELUM ATAU PADA 03 DISEMBER 2021 (JUMAAT) |
| C) MASA AMBIL / HANTAR BORANG | : 8.30 PAGI – 4.00 PETANG |
| D) WAKTU REHAT | : 1.00 TENGAHARI - 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT) |

3. Syarikat atau individu perlu membawa **DOKUMEN PENGENALAN DIRI, COP SYARIKAT** dan sijil-sijil pendaftaran syarikat (jika ada) untuk urusan pengambilan borang permohonan tersebut.
4. **BORANG PERMOHONAN** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. RUJUKAN** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar ke **KAUNTER JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PELESENAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**. Borang permohonan yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
5. Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran.